

JABATAN KEHAKIMAN,
MAHKAMAH TINGGI
MALAYA
KUALA LUMPUR

Tel. KL: 939011

Bil. (123) dlm. JK/IP 39/54-U

13 Ogos, 1985.

Semua Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
Semenanjung Malaysia.

Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
Kuching,
Sarawak.

Timbalan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
Kota Kinabalu,
Sabah.

Tuan/Puan,

Pekeliling Pendaftar (U) 1 Tahun 1985

Penyenggaraan Daftar Penceraian dan Pembatalan
Perkahwinan Dibawah Seksyen 107 Akta Membaharui
Undang-Undang (Perkahwinan & Penceraian) 1976 (Akta 164)

Saya adalah diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas dan memaklumkan bahawa menurut Seksyen 107 Akta 164, Pendaftar Besar Perkahwinan dikehendaki menyenggarakan satu daftar penceraian dan pembatalan secara membuat catatan 'dibubarkan' di dalam daftar perkahwinan. Berhubung dengan ini, Pendaftar berkenaan perlu kerjasama mahkamah untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan penceraian.

2. Untuk memberi kerjasama, pihak Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur akan menghantar senarai kes penceraian dimana dikri mutlak telah dikeluarkan. Tuan/Puan pula adalah dikehendaki menghantar ke Ibu

Pejabat (u.p.: Bahagian Perundangan Am) tiap-tiap tiga bulan senarai kes dimana dikri mutlak telah dikeluarkan. Sila gunakan borang seperti yang dilampirkan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

t.t. Noor Azian binti Shaari

Pendaftar,

Mahkamah Tinggi Malaya,

Kuala Lumpur.

s.k.:

Tuan Syed Rosley bin Syed Abu Bakar,

Ketua Pengarah,

Pendaftaran Negara Malaysia,

Jabatan Pendaftaran Negara,

Malaysia,

Wisma Pendaftaran,

Persiaran Barat,

Petaling Jaya,

Selangor.

(Surat tuan bil.(80)dlm.JPN.E/58/01 berkaitan)

NAS/kam

Ruj.Tuan: Bil.()dlm.JPN.E/58/01
 Ruj.Kami:

Pendaftar Besar Perkahwinan,
 Ibu Pejabat,
 Jabatan Pendaftaran Negara, Malaysia,
 Wisma Pendaftaran, Persiaran Barat,
 Petaling Jaya,
 Selangor.

Tuan,

Penyenggaraan Daftar Perceraian Dan Pembatalan Perkahwinan
 Di Bawah Seksyen 107 Akta Membaharui Undang-Undang
 (Perkahwinan & Perceraian) 1976 (Akta 164)

Berhubung dengan perkara di atas, bersama-sama ini dikemukakan satu salinan sah dikri nisi yang telah dijadikan mutlak (absolute)/pembatalan untuk tindakan tuan.

2. Butir-butir dalam Daftar Dikri Nisi yang telah dijadikan mutlak (absolute)/pembatalan yang dikeluarkan di Mahkamah Tinggi

Bil.	Bil. Petisyen Perceraian	Nama Pasangan	Tarikh, Tempat & No.Sijil Perkahwinan	Catitan - Sila nyatakan Undang Undang Perkahwinan dilangsungkan mengikut *Adat China/Adat Hindu/Sivil/Kristian. Akta Membaharui Undang-Undang (P & P) 1976. Jika lain-lain nyatakan.

.....
 Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar

Mahkamah Tinggi.....